

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	8 FEB 2015



DR. MAHATHIR MOHAMAD menunjukkan prototaip Proton Iriz kepada Joko Widodo (kiri) di Pusat Kecemerlangan Proton, Shah Alam, kelmarin.

KAWAN LAMA INDONESIA

UM - 8/2/2015

S EORANG wartawan senior Indonesia semasa ditanya kesan lawatan tiga hari Presiden Jokowi ke Malaysia yang berakhir semalam menyimpulkan hubungan Kuala Lumpur-Jakarta sudah berada di peringkat matang.

Masing-masing negara tetangga ini jelas sentiasa mahu memandangkan ke depan dalam mendepani apa juga isu kebangkit. Sikap kedua-dua negara ialah sentiasa mendahulukan rundingan berpandukan asas saling hormat menghormati.

Lebih manis katanya, lawatan pertama Jokowi ini telah menemui beliau dengan dua tokoh besar Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Najib Tun Razak dan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam satu majlis yang sama di kilang Proton di Shah Alam.

"Ini sepertinya dapat mencairkan keadaan," katanya yang merujuk kritikan-kritikan terbuka Dr. Mahathir kepada kerajaan yang memang diikuti secara dekat oleh media di Indonesia.

Dalam kalangan wartawan Indonesia, lawatan Jokowi ke kilang Proton telah meninggalkan kesan yang mendalam. Tambahan pula ini adalah kali pertama seorang Presiden Indonesia melawat Proton.

Selain Proton yang akan mengembangkan kepakarannya untuk membangunkan kereta nasional Indonesia, mereka bercerita bagaimana terujanya Jokowi memandu uji prototaip Proton Iriz versi elektrik yang dipandu sendiri oleh Dr. Mahathir yang juga Pengerusi Proton.

"Saya paling laju bawa 60 km sejam tapi ini sehingga 140 km sejam," kata Jokowi seperti diceritakan oleh wartawan berkenaan yang kagum dengan keupayaan Dr. Mahathir memandu kereta walaupun telah berusia 90 tahun.

Begitulah hubungan Malaysia-Indonesia. Sedikit pun mereka tidak terganggu dengan isu iklan yang dianggap biadab dan kurang ajar 'Fire Your Indonesian Maid' (Pecat Amah Indonesia Anda) yang hangat dibahaskan dalam media Indonesia mengiringi lawatan Jokowi ini.

Entah disengajakan atau barangkali ada agenda tersembunyi



Setelah melalui banyak insiden seperti itu, Malaysia-Indonesia nampaknya tidak mahu mengulangi kealpaan lalu - menunggu api membakar baru berusaha untuk memadamkannya. Kini hubungan itu terlihat sudah matang sehinggakan isu-isu berkaitan tenaga kerja dan sempadan maritim dapat diselesaikan melalui mekanisme sedia ada.

kerana muncul menjelang lawatan Jokowi, iklan yang disebarkan di media sosial itu berjaya menarik perhatian banyak pihak terutamanya di Indonesia.

Orang nombor dua Indonesia, Jusuf Kalla bahkan sempat memberikan komentar. Beliau dilaporkan mendesak syarikat berkenaan memohon maaf. Menteri berkaitan tenaga kerja pula mahu kerajaan Malaysia mengambil tindakan segera menyiasat perbuatan itu.

Kedutaan Indonesia di Malaysia pula membuat laporan polis. Ringkasnya, Indonesia menanggapi iklan ini dengan tegas dan tangkas. Iklan produk pembersih hampagas robotik, RoboVac keluaran Amerika Syarikat ini jika dibiarkan boleh membakar emosi massa dan mencetuskan ketegangan hubungan antara kedua-dua negara tetangga ini.

Bagaimanapun syarikat pengedar tunggal produk teknologi Corvan Technology itu menjelaskan mereka tidak terlibat dengan iklan yang menyinggung perasaan banyak pihak tersebut. Yang membuat iklan berkenaan ialah pengedar dan penjual tidak sah.

Isu ini daripada kaca mata kita mungkin dianggap kecil dan remeh tetapi tidak untuk sebuah hubungan Malaysia dan Indonesia. Isu yang dianggap kecil dan

terpencil tetapi yang melibatkan maruah dan harga diri mesti diurus dengan bijaksana.

Bayangkan apa yang akan berlaku jika isu iklan ini tidak ditangani dengan baik. Selepas protes bakal disusuli dengan demonstrasi yang kemudiannya bertukar menjadi ancaman keselamatan kepada rakyat Malaysia.

Kejadian ini pernah beberapa kali berlaku sebelum ini. Hanya disebabkan isu ciplak tarian, lagu dan makanan rakyat kedua-dua negara terpaksa menghabiskan waktu dan tenaga bertelagah sesama sendiri.

Alangkah sia-sianya kerja keras banyak pihak membina hubungan tetapi dimusnahkan hanya dengan iklan daripada sebuah syarikat oportunist, yang hanya mementingkan keuntungan sendiri. Begitu juga alangkah malangnya dua negara ini jika terpaksa bermusuhan hanya kerana seorang majikan mendera amah Indonesia.

Setelah melalui banyak insiden seperti itu, Malaysia-Indonesia nampaknya tidak mahu mengulangi kealpaan lalu - menunggu api membakar baru berusaha untuk memadamkannya.

Kini hubungan itu terlihat sudah matang sehinggakan isu-isu berkaitan tenaga kerja dan sempadan maritim dapat diselesaikan melalui mekanisme sedia ada. Cuma, janganlah dibiarkan isu lama ini terus menjadi duri dalam daging, kerikil dalam kasut.

Sebagai kawan lama, Malaysia-Indonesia seharusnya sudah berani meneroka kerjasama baharu termasuk melakukan penggabungan sumber-sumber sedia ada contohnya dalam bidang kewangan Islam dan pembangunan hartanah.

Sebagai kawan lama yang saling mempercayai dan memerlukan, tiada yang mustahil jika yang mustahil itu mampu menguntungkan dan mengukuhkan lagi hubungan kedua-dua buah negara.

Hal yang demikian kerana ke hadapan, Malaysia-Indonesia bukan sekadar memerlukan sebuah hubungan yang matang tetapi berkemampuan melaksanakan kerjasama yang dianggap luar biasa terutama dalam menghadapi saingan pasaran terbuka.